



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwpcb.gov.my](http://www.kwpcb.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## **PERTANDINGAN TALENTIME BAKAT ISTIMEWA SEMAI BAKTI PIALA PERDANA MENTERI 2013 PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PUTRAJAYA, 28 Februari 2013** - YBhg. Datin Nafesah Raja Nong Chik, isteri Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar merasmikan Pertandingan Talentime Bakat Istimewa Semai Bakti Piala Perdana Menteri 2013 Peringkat Wilayah Persekutuan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar dengan kerjasama secara *Blue Ocean Strategi* dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Menara Seri Wilayah di sini hari ini.

Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat istimewa menyanyi dan menari dalam kalangan pelatih Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Wilayah Persekutuan dan meningkatkan keyakinan serta mengurangkan rasa rendah diri mereka. Pemenang di peringkat Wilayah Persekutuan ini akan bertanding di peringkat kebangsaan sebagai wakil Wilayah Persekutuan yang akan diadakan dari 4 hingga 10 Mac 2013 di Putrajaya.

Seramai 48 orang pelatih PDK dari 10 PDK di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah mengambil bahagian dalam tiga kategori iaitu pertandingan nyanyian solo, pertandingan nyanyian duet dan pertandingan tarian berkumpulan. Terdapat 9 penyanyi solo, 3 pasangan duet dan 5 kumpulan tarian yang bertanding dari 10 PDK Wilayah Persekutuan.

Program ini merupakan satu landasan untuk memberi peluang kepada pelatih PDK ini mengembangkan bakat dan menyerlahkan potensi diri serta meningkatkan lagi keyakinan diri dan self esteem dalam mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan mereka.

Pelaksanaan program seperti ini menunjukkan keprihatinan pihak Kerajaan khususnya warga KWPKB terhadap golongan OKU manakala bagi pihak OKU itu sendiri mereka rasa lebih dihargai dan dihormati oleh masyarakat sekeliling serta meningkatkan keyakinan mereka untuk meneruskan kehidupan pada masa hadapan, seterusnya menyumbang kepada keharmonian negara untuk jangka masa panjang. Selain itu juga, melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat meningkatkan kreativiti para pelatih yang terlibat dan menyerlahkan potensi diri dalam proses pembelajaran yang sedang dilalui oleh mereka.

Pertandingan seperti ini diadakan secara besar-besaran di peringkat Wilayah Persekutuan/Negeri dan Kebangsaan yang diadakan sejak tahun 2010. Impak positif dan pelaksanaan perkara ini dahulu dan sekarang adalah bagi menunjukkan kepada masyarakat OKU akan kesungguhan pihak Kerajaan untuk mengintegrasikan masyarakat OKU ke dalam kehidupan masyarakat tempatan yang lain.

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT**

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

28 Februari 2013

PUTRAJAYA